

# PM orang pertama lihat produk terkini

## I-Berhad

PUTRAJAYA 14 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini, menjadi orang yang pertama melihat produk terkini keluaran I-Berhad iaitu pemain DVD mudah alih - i dan kamera video digital - i di Expo OIC 2003 yang dianjurkan sempena Sidang Kemuncak OIC yang ke-10 di sini.

Dr. Mahathir juga gembira untuk mengetahui produk daripada siri i-digital kini semakin meluas dengan menampilkan rekabentuk dan ciri-ciri terkini.

Pengarah Eksekutif I-Berhad, Monica Ong berkata, jika dulu jenama Malaysia adalah terhad tetapi kini warga Malaysia boleh bangga dengan jenama sendiri pada peralatan digital yang berkualiti tinggi dan berteknologi terkini.

Menurutnya, penjenamaan ialah gelanggang untuk pengguna membezakan sesuatu produk dan ia melambangkan kualiti dan nilai produk.

“Penjenamaan mewujudkan cabaran baru kepada pengeluar sementara mereka memperoleh pengetahuan dalam bidang OEM dan menambah nilai kepada syarikat,” katanya di sini.

Bellau berkata demikian pada majlis pelancaran produk Pemain DVD mudah alih i - PL207 yang nipis dan ringan mempunyai skrin TFT matriks 7 inci dengan bunyi dolby digital dan DTS.